




IMPAC MPOB

# KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML) 2025

## PROGRAM

Pada tahun 2006, MPOB telah menubuhkan Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) yang menyediakan latihan berasaskan kemahiran dalam jentera ladang bagi sektor perladangan sawit.

Objektif KOML adalah untuk memberi latihan kepada belia tempatan dalam bidang jentera ladang supaya mereka boleh menjadi sebahagian daripada tenaga kerja tempatan dalam industri sawit sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Modul latihan memberi pendedahan mengenai mekanisasi ladang secara nisbah (70:30) praktikal dan teori. Pengambilan pelatih adalah dua kali setahun, dengan tempoh kursus enam hingga 12 bulan termasuk teori, praktikal dan latihan industri selama enam bulan di kawasan terpilih.



KOML menawarkan kursus-kursus jangka pendek dan panjang. Kursus jangka panjang khusus untuk belia yang berminat untuk bekerja dalam industri sawit. Kursus jangka pendek juga ditawarkan kepada individu atau pekebun kecil yang berminat untuk mendapat lebih banyak pengetahuan dan kemahiran dalam topik yang dipilih. Kursus-kursus jangka panjang dan pendek ditawarkan dalam dua peringkat iaitu Tahap 2 dan Tahap 3.




Kursus yang dijalankan mengikut kurikulum dari *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Di samping itu, pelatih berpeluang untuk menjalani ujian memandu yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk layak lesen kelas F dan H.



## Siapa yang Patut Menyertai KOML

- Lepasan sekolah menengah yang berminat dalam sektor perladangan sawit
- Individu yang sedang bekerja dalam industri sawit yang ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

## Syarat Kemasukan

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18-35 tahun
- Tamat SPM/SPMV atau setaraf dengannya atau mempunyai dua tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/penjenteraan
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu
- Bagi Tahap 3, pelatih perlu mengikuti dan lulus Tahap 2 terlebih dahulu




**TAHAP 2 A012-004-2:2020 (OPERASI MEKANISASI LADANG SAWIT)**

Mendedahkan pelatih kepada aktiviti dan operasi dalam mekanisasi ladang sawit.

**Tempoh**

8 bulan

**Modul**

- Mekanisasi Aktiviti Penanaman Sawit
- Mekanisasi Penanaman Penutup Bumi
- Mekanisasi Penuaian dan Pengumpulan
- Operasi Mekanisasi Pengangkutan
- Operasi Mekanisasi Penyelenggaraan Ladang

**TAHAP 3 A012-004-3:2020 (PENYELIAAN OPERASI MEKANISASI LADANG SAWIT)**

Mendedahkan pelatih menjalankan aktiviti penyeliaan dalam sektor perladangan sawit.

**Tempoh**

9 bulan (termasuk 3 bulan latihan industri)

**Modul**

- Penyeliaan Mekanisasi Penanaman Sawit
- Koordinasi Operasi Mekanisasi Penuaian dan Pengangkutan Dalaman
- Koordinasi Operasi Mekanisasi Penyeleng-garaan Ladang
- Koordinasi Penyelenggaraan Pencegahan dan Kerosakan Mesin
- Penyeliaan Mekanisasi Ladang

## Kelebihan KOML

- Pelatih akan menerima dua sijil iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut Tahap yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Sijil IMPAC yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
- Berpeluang memperoleh lesen kelas F dan H bagi pelatih yang berumur 21 tahun ke atas.
- Meningkatkan kemahiran dalam pengendalian jentera
- Meningkatkan pengetahuan dalam aktiviti ladang
- Memberikan pendedahan kepada teknologi baharu dalam mekanisasi ladang
- Berpeluang berkerja di syarikat perladangan sawit
- Dapat meningkatkan kerjaya daripada pekerja biasa ke peringkat yang lebih tinggi
- Peluang membuka bengkel dengan ilmu dan pengalaman yang dipelajari

## Cara Memohon:

Hubungi kami ditalian **09-451 4400** atau layari Facebook KOML di laman web MPOB: **www.mpob.gov.my**. Hantar borang permohonan ke alamat: **Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) K15004, KM 137, Lebuhraya Segamat Kuantan, Bandar Tun Razak, 26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang**. Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPM/SPVM atau yang setaraf dan telah disahkan atau surat pengesahan majikan bagi mereka yang berkenaan.

Maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi:

- **Siti Balqis Jaafar** ● Tel: 09-451 4400 samb. 4402 ● balqis@mpob.gov.my
- **Mohd Faiz Akmal Yaser** ● Tel: 09-451 4400 samb. 4403 ● mohd.faiz@mpob.gov.my

---

# BORANG PERMOHONAN

**KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML) 2025**

*Sila lekatkan gambar berukuran lesen di sini*

Nota: *Sila tandakan (✓) pada bahagian yang berkaitan

***KURSUS OPERASI MEKANISASI SAWIT:** ☐ TAHAP 2 ☐ TAHAP 3 ☐ SESI APRIL 2025

*Dari mana anda mengetahui Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML):

☐ Laman Web MPOB ☐ Promosi ☐ Rakan/Kenalan ☐ Akhbar/Sosial Media

**A. MAKLUMAT PERIBADI:**

Nama Penuh (Seperti dalam MyKad) : ______________________________

No. Kad Pengenalan : ______________________ Warganegara : ______________

Tarikh Lahir : ______________ Tempat Lahir : ______________________ Umur : __________

Agama : ______________ Bangsa : ______________________ Jantina : __________

Alamat Surat-menyurat : ______________________________

______________________________

Poskod : __________ Negeri : ______________________ No. Telefon : ______________

E-mel (jika ada) : ______________________________

**B. MAKLUMAT AKADEMIK** *(Wajib Diisi Sekiranya Ada)*

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun : __________

Sijil *(Terbuka/Tidak)*: ____________

Saya mengaku semua keterangan di atas adalah benar.

Tarikh : ______________

______________

Tandatangan Pemohon

**C. PENGALAMAN BEKERJA (dalam industri sawit)**

a) Jawatan: ______________________

Tarikh mula berkhidmat: ______________________

*Swasta/Kerajaan/Badan Berkanun

Tahun pengalaman dalam industri sawit:

______________

b) Jawatan: ______________________

Tarikh mula berkhidmat: ____________

*Swasta/Kerajaan/Badan Berkanun

Tahun pengalaman dalam industri sawit: ____________

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

No Rujukan : ______________________ Penerimaan : ______________________

Semakan : ______________________